

01 JUL 1998

LAWATAN SEHARI PERDANA MENTERI KE MELAKA

MELAKA, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat lawatan kerja sehari ke Melaka pada 11 Julai ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin hari ini.

Dr Mahathir dijadualkan berjumpa pemimpin dan pegawai kanan kerajaan negeri pada satu majlis di Kompleks Al Azim di sini, pada kira-kira 9 pagi.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri di tempat yang sama selepas itu, katanya.

Perdana Menteri dijangka turut memberikan amanat dan penerangan mengenai keadaan politik dan ekonomi semasa pada perjumpaan berkenaan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Dr Mahathir dijadualkan berlepas pulang ke ibu negara selepas jamuan tengah hari.

-- BERNAMA

MOZ PR